



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN
INTEGRASI NASIONAL

KENYATAAN MEDIA

MAJLIS PELANCARAN PROJEK AKUAGRO RT JOHOR

4 FEBRUARI 2023, JOHOR BAHRU (JOHOR) – YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara hari ini melancarkan Projek Akuagro RT Johor bertempat di KRT Zon Jalan Bacang, Kota Masai, Pasir Gudang, Johor Bahru, Johor. Projek ini merupakan inisiatif di bawah Gerak Kerja KRT Sejahtera yang memberi tumpuan bagi membantu mengukuhkan ekonomi komuniti Rukun Tetangga dengan menggabungkan elemen kebun sayuran dengan ternakan ikan.

Sebanyak 34 KRT di seluruh Johor telah mengusahakan tanaman sayuran dan ternakan ikan secara bersepadu ini dalam komuniti setempat dan sebanyak 20 projek tambahan lagi pada tahun 2023. Dengan gerakan serentak 54 KRT dalam negeri Johor menjayakan projek ini sekurang-kurangnya dapat membantu menangani masalah sekuriti makanan dalam komuniti khususnya bagi rakyat negeri Johor.

Projek ini mendapat kerjasama dan sokongan penuh dari Kerajaan Negeri Johor yang memberi peruntukan kepada Rukun Tetangga melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Johor untuk menjayakan projek ini. Kementerian Perpaduan Negara melihat matlamat serampang dua mata dapat dicapai dalam menjayakan projek berbentuk pertanian dan ternakan melalui Projek Akuagro dalam Kawasan Rukun Tetangga ini di mana bukan hanya dapat mengeratkan hubungan kaum dan perpaduan dalam kejiranan malah yang paling penting dapat membantu dasar kerajaan dalam menjayakan sekuriti makanan.

Usaha ini selari dengan seruan Kerajaan Perpaduan di bawah kepimpinan YAB Perdana Menteri iaitu untuk membantu mengatasi masalah kos sara hidup rakyat yang terkesan berikutan keadaan ekonomi global yang dijangka begitu serius tahun ini. Hasil tanaman dan ternakan dari projek ini dijual terus kepada komuniti setempat dengan harga yang lebih murah dari harga pasaran di samping mendapat bekalan sayuran dan ikan yang lebih berkhasiat.

YB Menteri turut menyerahkan *Mock Cheque* berjumlah RM230,000.00 sumbangan Kerajaan Negeri Johor kepada KRT untuk peluasan 20 projek Akuagro RT bagi tahun 2023. Penyampaian Sijil Penyertaan Latihan Kemahiran kepada warga Rukun Tetangga dan Sijil Penghargaan kepada 12 agensi selaku Rakan Strategik menayakan program ini turut diadakan.

**Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
(Kementerian Perpaduan Negara)**

4 Februari 2023

-TAMAT-

Pertanyaan media

Bahagian Korporat,

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

No Tel : 019-267 1075 (Cik Tengku Nor Liza), 019-39239 379 (Jasittha)

E-mail: projpnin@perpaduan.gov.my

No rujukan: JPN.01/483/12 (3)